



# Buletin

Rejab 1446H/Januari 2025

# ACIS

## Pemeriksaan Islam dalam Era Digital

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Program Jelajah Mahabbah Madani UiTM, MAINS & IKIMfm



Oleh:  
**Dr Mohamad Redha bin Mohamad**  
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Alhamdulillah telah selesai Program Jelajah Mahabbah Madani IKIMfm & MAINS di UiTM Kampus Rembau. Program ini adalah kerjasama pihak IKIMfm dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) bersama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti persembahan nasyid dari kumpulan Mestica, kuiz, dan Usrah Khabar Orang Muda. Barisan DJ dari pihak IKIMfm juga turut bersama menyantuni warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Program diserikan dengan kehadiran tetamu dari pihak IKIM iaitu YBhg. Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil (Ketua Pengarah IKIM), YBrs. Tuan Haji Ahmad Fuad bin Mat Ali (Pengaroh Pusat Media IKIM) dan YBrs. Tuan Haji Abu Bakar bin Yang (Pengaroh Wakaf IKIM). Manakala tetamu dari pihak MAINS diwakili oleh YBhg. Tuan Haji Mohamad Idris bin Ramli (Timbalan Setiausaha (Pengurusan) MAINS) dan YBrs. Tuan Haji Azeerol Effendi Bin Abd Kadir (Pengaroh Jabatan Perbendaharaan MAINS).

Program utama iaitu Usrah Khabar Orang Muda dipengerusikan oleh DJ Syafiq Salleh, Ustaz Zulramli sebagai naqib, Ustaz Norazman Amat (MAINS) dan Muhammad Izzulikhwan Idris (Presiden PDPH) sebagai ahli usrah.

